

January 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

71st ISSUE

info kampus

UiTM SARAWAK BULLETIN



UiTM Transformation
Program

ISSN 2232-1576



9 772232 157005

PERUNDINGAN HARTA INTELEK (IP) DAN HIGH IMPACT PROGRAMME 2

Oleh: Nur Suryani binti Rosli

Pada 2 Oktober 2015 yang lepas, Unit RIBU telah berjaya menganjurkan satu program "Perundingan Harta Intelekt dan High Impact Programme 2", bertempat di Bilik Mesyuarat MASMED Kampus 2, UiTM Kota Samarahan. Program ini telah dihadiri 18 orang peserta yang terdiri daripada mereka yang pernah menyertai Pertandingan IID di UiTM Sarawak sebelum ini.

Pihak RIBU telah menjemput Dr. Ng Sing Kwei dari Platcom Ventures Sdn. Bhd. sebagai penceramah bagi program tersebut. Beliau merupakan salah seorang pakar dalam bidang pengkomersilan harta intelek dan sangat berpengalaman dalam menterjemahkan pelaburan R&D kepada penajaan pendapatan.

Perundingan yang berlangsung selama empat jam ini dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pertama berkenaan Perundingan Harta intelek dan sesi kedua merupakan pengenalan kepada High Impact Programme 2 kepada peserta. Program ini antara lain bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang komponen-komponen penting di dalam harta intelek serta perlindungannya. Selain itu, peserta juga turut didedahkan tentang pengeksploitan harta intelek yang dicipta dan memperoleh pulangan daripada daya usaha dan pelaburan tersebut.

Secara kesimpulannya, program ini telah berjalan dengan jayanya. Objektif-objektif yang telah ditetapkan telah dicapai dan adalah menjadi harapan supaya program seperti ini dapat terus dilanjutkan dan dikembangkan untuk melibatkan lebih ramai peserta di masa akan datang.



Sesi Taklimat IP dan HIP 2

Program OPKIM Unit Kesihatan di Kampung Jaya RiaBIL BELAJAR PELAJAR HSI 13



Aktiviti saringan kesihatan



Upacara menanam anak pokok

Pada 24 Oktober 2015 yang lepas, Unit Kesihatan UiTM Sarawak telah mengadakan Program Khidmat Masyarakat, Ceramah dan Saringan Kesihatan untuk penduduk Kampung Jaya Ria, Serian. Program Khidmat Masyarakat (OPKIM) ini bertujuan untuk memberi kesedaran kesihatan kepada penduduk Kampung Jaya Ria, Serian melalui ceramah kesihatan yang disampaikan oleh Dr. Mohd Khairul bin Jambli, Pegawai perubatan, UiTM Sarawak. Program ini juga bertujuan untuk menjalin silaturahim di kalangan staf Unit Kesihatan bersama penduduk kampung semasa aktiviti bergotong-royong dan menanam anak pokok yang dilakukan setelah sesi ceramah selesai. Di samping itu, staf Unit Kesihatan juga mengadakan saringan kesihatan percuma kepada penduduk kampung tersebut. Secara keseluruhannya, 47 orang penduduk kampung mengikuti saringan kesihatan yang dijalankan yang merangkumi 16 orang lelaki dan 31 orang perempuan.

KURSUS KECEDERAAN SUKAN UNTUK STAF & PELAJAR UiTM SARAWAK 2015

Unit Kesihatan, UiTM Sarawak telah berjaya menganjurkan Kursus Kecelakaan Sukan untuk staf dan pelajar dengan kerjasama daripada pihak Jabatan Fisioterapi, Hospital Umum Sarawak. Kursus yang julung kali ini diadakan pada 21 hingga 22 Oktober 2015 dari pukul 8.00 pagi sehingga 5.00 petang. Seramai 33 orang staf dan pelajar telah menjadi peserta kursus. Antara penceramah yang terlibat adalah Pegawai Perubatan UiTM Sarawak iaitu Dr. Kamarudin Jaraee dan Tuan Haji Ismail Damit, Pegawai Fisioterapi, Hospital Umum Sarawak. Antara kesan penganjuran kursus adalah untuk meningkatkan kemahiran peserta berkaitan dengan resusitasi kardiopulmonari dan pertolongan cemas dalam kecederaan sukan. Selain itu, peserta juga dapat mempelajari teknik rawatan menggunakan pita fisioterapi bagi rehabilitasi dan pemulihan kecederaan. Pihak penganjur berharap kursus seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



Tuan Haji Ismail Damit menyampaikan ceramah beliau bertajuk Peranan Fisioterapi dalam Kecelakaan Sukan.



Para peserta bersama fasilitator kursus.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my